



## SIARAN MEDIA

### **KPKT TERUS KOMITED DALAM MENINGKATKAN PENDAPATAN EKONOMI SETEMPAT MELALUI PEMBINAAN PASAR TOK KENALI, BINJAI, KELANTAN**

**KOTA BHARU, 19 MAC 2023** – YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob, Menteri Besar Kelantan bersama-sama YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pasar Tok Kenali pagi ini. Sejumlah RM4 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam membangunkan Pasar Tok Kenali yang berkeluasan 3.47 ekar ini.

Pembinaan Pasar Tok Kenali ini merupakan salah satu usaha KPKT dan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dalam menyediakan kemudahan sosio ekonomi yang lebih moden dan selesa kepada penduduk setempat. Ia melibatkan pembangunan semula bangunan pasar sedia ada dengan ruang niaga baharu yang terdiri daripada 29 gerai dan 1 stor secara lebih teratur dan kondusif bagi keselesaan peniaga dan pengunjung. Selain itu, terdapat pasar mingguan dengan lantai terbuka bagi menempatkan 60 orang peniaga pada satu masa. Berkonsepkan “Sejahtera”, Pasar Tok Kenali juga menyediakan kemudahan awam seperti surau, tandas, rumah sampah dan tempat letak kereta.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, “Sejumlah RM4 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengoperasikan semula Pasar Tok Kenali dengan lebih sistematik bagi membantu menjana semula ekonomi setempat seiring dengan fokus negara dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Inisiatif ini dijangka akan memberi manfaat kepada rakyat tempatan khususnya penduduk Mukim Binjai, Daerah Kota Bharu, Kelantan.”

Beliau turut menambah, “KPKT akan terus komited membantu pihak PBT melalui pelaksanaan projek-projek baharu di kawasan PBT berpandukan *Key Result Area* iaitu ‘mewujudkan perancangan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar yang mampan’ dan ‘meningkatkan kecekapan tadbir urus dan mutu penyampaian perkhidmatan PBT’. Ini

penting dalam membantu memperkasa PBT untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat sekaligus dapat membangunkan komuniti yang sejahtera.”

Majlis turut dihadiri oleh YB Tuan Hilmi bin Abdullah, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan); YM Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean bin Tengku Feissal, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Kelantan, YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; Encik Rosnazli Bin Haji Amin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan Ketua-ketua Jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT terus proaktif dalam merealisasikan agenda pembangunan negara melalui program perkhidmatan perbandaran untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Justeru, KPKT merancang pelaksanaan projek-projek baharu melalui pendekatan kajian berdasarkan pulangan pelaburan (*return of investment*), analisis kos faedah (*cost benefit analysis*), indeks kesahan dan kebolehpercayaan (*credibility realibility index*) dan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) akan mendapat perhatian sewajarnya daripada KPKT.

**#StrongerTogether**  
**#UnityInDiversity**  
**#DemiPertiwi**  
**#MalaysiaMADANI**

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

